



## SIARAN AKHBAR

### **PELANJUTAN PENGECUALIAN YURAN DAN CAJ PEMINDAHAN WANG SECARA ATAS TALIAN**

---

1. Pada awal tahun ini, di dalam keadaan ketidakpastian akibat penularan wabak COVID-19, dan sebagai langkah-langkah interim untuk mengurangkan kesan wabak COVID-19 kepada ekonomi Negara Brunei Darussalam terutama sekali bebanan dan masalah kewangan yang dihadapi oleh pelanggan-pelanggan bank, Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) dan Persatuan Bank-Bank Brunei (BAB) telah bersetuju untuk membuat pengecualian yuran dan caj pemindahan wang antara bank-bank domestik secara atas talian bagi semua pelanggan-pelanggan bank bagi tempoh enam (6) bulan mulai dari 1 April 2020 sehingga 1 Oktober 2020.
2. Dalam tempoh tersebut, AMBD dengan pihak BAB sentiasa memantau kesan wabak COVID-19 kepada ekonomi Negara Brunei Darussalam, khususnya kepada individu dan sektor-sektor perniagaan yang terkesan.
3. Dalam pada itu dan dalam usaha untuk terus menyokong aktiviti-aktiviti ekonomi dan usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam menangani COVID-19, AMBD dan BAB bersetuju untuk melanjutkan pengecualian yuran dan caj pemindahan wang antara bank-bank domestik secara atas talian untuk semua pelanggan-pelanggan bank bagi tempoh enam (6) bulan mulai dari 1 Oktober 2020 sehingga 31 Mac 2021.
4. Untuk maklumat lanjut, sila hubungi bank-bank atau AMBD di 2388388 atau [info@ambd.gov.bn](mailto:info@ambd.gov.bn).

#### **Autoriti Monetari Brunei Darussalam**

Ruj: AMBD/COMMS/3  
Tarikh: 11 Safar 1442H / 29 September 2020M